



SIARAN MEDIA

ASCN8 : MALAYSIA PACU ASPIRASI NEGARA PINTAR MENJELANG 2040

KUALA LUMPUR, 8 September 2025 – Malaysia hari ini membuka tirai **Mesyuarat Tahunan Ke-8 ASEAN Smart Cities Network (ASCN8)** yang berlangsung dari 8 hingga 12 September 2025 di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Acara berprestij ini menghimpunkan pemimpin serantau, pakar bandar pintar serta pelbagai pihak berkepentingan bersempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) yang juga merupakan Presiden UN-Habitat iaitu sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menerajui agenda pembangunan bandar lestari di peringkat global. Peranan ini mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap kepimpinan Malaysia dalam membangunkan bandar yang lestari, inklusif dan berdaya tahan.

Dalam ucap tama beliau, YB KM menegaskan bahawa “Hari ini bukan sekadar pembukaan sebuah mesyuarat tetapi permulaan sebuah perjalanan bersama. Ruang di mana impian serta aspirasi berpadu dan harapan digerakkan untuk menerangi masa depan bandar dan masyarakat kita”.

ASCN bukan sekadar tentang teknologi moden atau infrastruktur canggih tetapi ia perlu berteraskan kepada manusia, komuniti, serta nilai-nilai kemasyarakatan yang mengikat rantau ini. Selaras dengan aspirasi tersebut, ASCN8 memberi tumpuan utama kepada penyediaan **ASEAN Smart City Action Plan (ASCAP) 2026–2035** yang bakal menjadi rujukan strategik serantau dalam membentuk bandar yang hijau, inklusif dan digital.

Menurut YB KM lagi, “Sebagai Presiden UN-Habitat, saya percaya ASEAN boleh menjadi contoh kepada dunia bahawa pembangunan bandar bukan sahaja pintar, tetapi juga berperikemanusiaan serta mengutamakan kesejahteraan rakyat”.

Selain mesyuarat rasmi, penganjuran ASCN8 juga turut diserikan dengan **sesi perbincangan dasar dan teknikal** melalui **Smart City Connect Exhibition dan Smart City Expert Talk**. Ia merupakan platform yang menghubungkan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat awam. Malah turut meraikan kreativiti warga ASEAN dan inovasi rakan kerjasama global dalam pelbagai aspek perbandaran pintar.

Delegasi ASCN8 turut dijadualkan mengadakan **lawatan rasmi ke Putrajaya Command Centre dan Putrajaya Wetlands** bagi meninjau kemajuan Malaysia dalam pembangunan infrastruktur digital serta pemuliharaan alam sekitar berteraskan kelestarian.

ASCN8 bukan sekadar mesyuarat tahunan tetapi simbol kepada tekad kolektif ASEAN dalam **membentuk bandar masa depan yang inklusif, berdaya huni dan lestari**. Selaras dengan semangat '**Tiada siapa tertinggal di belakang**', Malaysia menegaskan komitmennya untuk memastikan manfaat pembangunan bandar turut dirasakan oleh rakyat di kota mahupun di desa.

Dengan tema '**Fostering Stronger Cooperation Towards Common Goal for Smart and Sustainable Urban Development in ASEAN**', Malaysia sekali lagi meneguhkan kepimpinan serantau ke arah kerjasama ASEAN yang lebih kukuh demi menjayakan agenda bandar pintar dan lestari untuk generasi akan datang.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

